

**Sekatan masuk ke Malaysia Timur menimbulkan persoalan
Malaysian Insider
July 5 , 2013
OLEH ELIZABETH ZACHARIAH**

Sekatan masuk terhadap aktivis terkemuka dari British ke Sarawak beberapa hari lalu menimbulkan tanda tanya kerana negeri itu dan Sabah terbukti menjadi "deposit tetap" gabungan pemerintah Barisan Nasional (BN).

Maka, mengapa mereka menjadi begitu gelisah sehingga mengharamkan enam tokoh pembangkang terkemuka setakat tahun lalu termasuk Nurul Izzah Anwar dan Datuk Ambiga Sreenevasan, sebelum mengharamkan Clare Rewcastle Brown pada Rabu lalu daripada memasuki negeri itu.

Apabila ditanya mengenai keengganan Malaysia Timur membenarkan kemasukan aktivis - semua daripada mereka adalah rakyat Malaysia kecuali Rewcastle, Datuk Dr Ewon Ebin dari BN hanya mengatakan kerajaan negeri di Malaysia Timur bertindak "mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan" negeri mereka.

"Mereka bukan suka-suka menghalang kemasukan semua orang. Mereka mempunyai sebab," kata Ahli Parlimen Ranau itu, enggan memberikan komen lanjut.

Rewcastle, yang juga adik ipar bekas perdana menteri Britain Gordon Brown, datang ke Sarawak untuk memberi keterangan dalam saman fitnah yang digambarkan sebagai disusun terhadap beliau.

Beliau adalah bekas wartawan BBC dan kini bertugas sebagai editor laman web pendedah maklumat Sarawak Report dan Radio Free Sarawak.

Clare kemudian menerima notis dari Jabatan Imigresen yang menghalangnya daripada memasuki Sarawak dan hampir tiga jam selepas itu, beliau dihantar pulang ke Singapura untuk mengambil penerbangan ke London.

Ahli Parlimen Stampin, Julian Tan pula melontar pertanyaan: "Apa bentuk ancaman yang dibawa beliau kepada Sarawak. Jika dia seorang pengganas, mungkin kita boleh faham. Dia disaman, kemudian dihalang masuk ke Sarawak untuk kes pembelaannya. Ini betul-betul mengarut."

"Apa jenis imej yang cuba dipapar kepada dunia? Inikah bentuk layanan sesebuah negara demokratik kepada orang luar?" katanya.

Ahli Parlimen Bandar Kuching, Chong Chieng Jen, berkata kerajaan negeri menyalahguna sistem perundangan apabila melarang Rewcastle memasuki Sarawak.

"Dia datang untuk mempertahankan (pembelaan dalam kes saman) diri. Tiada hal lain. Ini sebahagian sistem keadilan. Tiada sebab untuk kerajaan negeri halang," katanya.

Chong yang membangkitkan kemarahan Abdul Taib berikutan pendedahan senarai 24 plot tanah bernilai RM1 bilion yang didakwa dibolot keluarga ketua menteri itu dalam Parlimen, menyifatkan kejadian itu sebagai 'salah guna kuasa'.

"Ini terang-terang salah. Ia memberi Sarawak imej buruk. Semata-mata kerana Rewcastle

mengkritik kepimpinan Abdul Taib," katanya.

Tindakan kedua-dua negeri menimbulkan pertanyaan kerana Sabah dan Sarawak menyumbang lebih 40 daripada 133 kerusi yang dimenangi parti pemerintah itu pada pilihan raya umum lalu.

"Sebagai rakyat Malaysia, adakah kita tidak boleh masuk ke sesebuah negeri di negara sendiri?," soal Ahli Parlimen Stampin lagi.

Naib Presiden PKR, Nurul Izzah yang tiba di Kota Kinabalu 31 Mei lalu dihalang memasuki Sabah untuk menghadiri perayaan Kaamatan, sebelum Ahli Parlimen Batu, Tian Chua juga menerima nasib sama, sebulan kemudian.

Turut dihalang memasuki Sabah atau Sarawak ialah aktivis 'Occupy Dataran', Mohd Fahmi Reza Mohd Zarin; Pengerusi Bersih 2.0, Datuk Ambiga Sreenevasan; Ahli Parlimen Subang, R Sivarasa dan penganalisis politik, Dr Wong Chin Huat. - 5 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/sekatan-masuk-ke-malaysia-timur-me-nimbulkan-persoalan/>